

Sejarah Adat Perpatih Wilayah Naning Di Melaka

Sebahagian besar daripada mukim-mukim di kawasan utara Melaka iaitu di dalam lingkungan kira-kira 320 km persegi. Tidaklah terkandung di dalam Wilayah Adat Perpatih Naning. Wilayah adat ini mengandungi 25 buah Mukim iaitu 22 buah di dalam Daerah Alor Gajah dan 3 buah di dalam Daerah Jasin.¹

Wilayah Adat ini ternyata melingkungi seluruh kawasan pendalaman Melaka Utara. yang seharusnya dari kemasyarakatannya termasuk ke dalam sempadan Negeri Sembilan.

Namun begitu, keadaan seperti ini telah dikatakan pernah berlaku sebelum wujudnya Negeri Sembilan Sekarang.² New bold mengatakan bahawa Negeri Sembilan yang asal mengandungi luck-luck Kelang, Sungai Ujung, Naning, lelai, Ulu Pahang, Johol.

Sama ada hal ini benar atau tidak masih menjadi tanda tanya. Tambahan pula kewujudan Negeri Sembilan yang dikatakan asal itu tiada tersebut di dalam buku-buku seperti Sejarah Melayu (1612). Description of Malacca (1613) oleh De Eredia ataupun Daghregister (catatan harian) orang-orang Belanda yang ditulis sehingga tahun 1682. Di samping itu pula terdapat pertelingkahan tentang nama-nama Luak yang menjadikan Negeri Sembilan asal ini. Jadi dapatlah dikatakan bahawa Negeri Sembilan asal itu tidak ada sebelum 1682 dan negeri itu tidak mungkin pula wujud selepas 1832 apabila Naning kalah perang dengan Inggeris lalu menjadi sebahagian dari jajahan Inggeris di Melaka. Oleh itu, kewujudan Negeri Sembilan asal mungkin antara tahun 1682 dan 1832.

Pada tahun 1677 dikatakan orang-orang di daerah-daerah Minangkabau di Utara Melaka ini telah menjemput seorang anak raja dari Pagar Ruyung, Sumatra untuk menjadi raja mereka.³ Ini berlaku kerana pada masa itu Sultan Johor yang telah menaungi daerah-daerah ini telah diolahkan oleh Jambi pada tahun 1673. maka kuasa Johor ke atas daerah-daerah ini telah lemah. Barangkali semenjak inilah lahirnya Negeri Sembilan asal itu dan mungkin juga di dalam bentuk yang longgar sahaja. Selepas raja yang pertama ini (Raja Ibrahim) telah dijemput pula empat orang anak raja lagi berturut-turut (Raja Kasah, Raja Adil, Raja Khatib). Tetapi dua daripada mereka telah dihalau sebab tidak cekap dalam hal adat dan

¹ Mukim-mukim dalam daerah Alor Gajah : Ramuan China Kecil, Ramuan China Besar, Sungai Siput, Masjid Tanah, Sungai Baru Ulu, Taboh Naning, Sungai Buluh, Melekek, Berisu, Ayer Pa' Abas, Pegoh, Lendu, Kelemak, Melaka Pindah, Sungai Petai, Rembia, Gadek, Padang Sebang, Tanjung Rimau, Pulau Sebang, Kemuning dan Tebong.

Jasin : Nyalias, Jus dan Batang Melaka (di Daerah Jasin ini walau secara rasmi diakui hanya Mukim-Mukim yang tiga tadi sahaja sebagai termasuk di dalam lingkungan Adat Perpatih tetapi dari laporan C.C. Blagden, "Minangkabau Custom- Malacca", JMBRAS, Vol. 8, Pt. 8, 1930 didapati Mukim-mukim seperti bukit senggeh, Chabau, dan Selandar yang terletak di selatan Mukim-mukim yang awal tadi adalah juga mempunyai sistem kemasyarakatan berdasarkan Adat Perpatih.

² Datuk Naning & J.L. Humpresy, " A Naning Recital" JSBRAS No. 83, 1921, hal. 1.

³ Boyung Adil op. cit. Balthasar Bort, Report of, JMBRAS, Vol.5Pt. 1, 1927.

seorang lagi yakni Raja Khatib telah diolahkan oleh Raja Melewar yang kemudian menjadi Yamtuan Besar pertama bagi lima buah Luak Adat Perpatih pada 1773.

Sungguh pun kewujudan Negeri Sembilan asal tadi masih menjadi soal tetapi ada di antara wilayah adat ini disebut di dalam Sejarah Melayu seperti Kelang dan Sungai Ujung dan tercatat di dalam peta Eredia seperti Naning dan Rembau serta Johol.

Bilakah kedatangan orang Minangkabau yang telah mewariskan Adat Perpatih kepada penduduk di situ tidak dapat ditentukan dengan tegas. Kemungkinan besar ialah di zaman keagungan Melaka telah menarik ramai orang dari Pulau Sumatra datang ke sini.

Pada batu bersurat tercatat nama seorang Sheikh Ahmad yang tidak diketahui siapa orangnya. Namun begitu didapati juga bahawa batu bersurat itu adalah di antara batu mengalih, seperti yang terdapat di Daerah Minangkabau, di situ. Oleh itu dapatlah dikatakan bahawa orang-orang yang mengikut Sheikh Ahmad ini adalah orang-orang Minangkabau.

Mengikut Terombo¹ Adat Perpatih Naning yang ditulis oleh Shahba² mengatakan bahawa orang yang mula-mula datang dari Minangkabau lalu turun ke Kampar, ke Siak, ke Bengkalis, ke Bukit Batu dan meneliti Pulau Percha terus menyeberang Selat Melaka kemudian Mudek Sungai Linggi ialah Datuk Perpatih Pinang Sebatang serta rombongannya.

Dalam mencari tempat untuk perkampungan itu, Datuk Perpatih telah sampai ke satu tempat pertemuan dua sungai yang sekarang dikenal sebagai Sungai Linggi dan Sungai Cherana Putih, yang airnya mengalir songsang. Tempat itu dinamakan oleh mereka Pulau Lelang Tiga Sejajar mengikut keadaan tempat itu yang mempunyai tiga buah pulau sejajar. Di atas sebuah pulau ditemui oleh mereka sarang sejenis serangga yang dikenal dengan nama naning. Maka, tempat itu dinamakan oleh mereka "Naning" mengikut nama serangga itu yang dianggap sakti.

Orang-orang Minangkabau ini telah membawa hidup mereka sendiri dan telah menyesuaikan diri dengan penduduk tempatan. Makin lama lebih ramai lagi orang-orang Minangkabau yang datang dan membuka ke kawasan pendalaman. Di sini ada satu hal yang menarik hati. Semua perkampungan orang-orang Minangkabau ini adalah di pendalaman dan tiada yang di tepi pantai. Keadaan ini masih jelas sekarang kerana mukim-mukim Daerah Alor Gajah yang di persisiran pantai bukanlah mukim-mukim Adat Perpatih. Jadi dapatlah dikatakan bahawa hubungan antara sistem sosial Adat Perpatih memang erat dengan saikologinya.³

Sehingga ke abad 16 telah ramai dan meluas perkampungan orang Minangkabau di pantai barat Tanah Melayu. Hal ini nyata dari laporan yang dibuat oleh orang Portugis yang menyatakan orang-orang Minangkabau ini telah bermula sejak dari awal lagi ketika Melaka belum alah oleh Portugis. Jadi ketika Melaka

¹ Terombo ialah Gurindam asal-usul dan terbitnya Adat Perpatih dan Adat Temenggung.

² Shahba, Pusaka Naning, Sentosa Store, Kula Pilah, N.S. 1951.

³ Lihat kata perbilangan " ke laut Adat Temenggung, ke darat Adat Perpatih".

alah dan Sultan Melaka membuat pusat di Johor pula, maka orang-orang Minangkabau tetap setia kepada Johor dan Johor pula menaungi daerah-daerah Naning.¹

Setelah Datuk Perpatih memulakan penempatan di Naning tidak diketahui siapakah yang menggantikannya menjadi Penghulu Naning. Namun begitu tentulah susunan dan pentadbiran masyarakat telah tetap dan mula berkembang.

Sistem masyarakat adalah didasarkan atas hidup bersuku. Tiap-tiap suku mendiami satu kawasan tertentu di mana segala kegiatan adalah dijalankan dengan seluruh anggota suku mengambil bahagian dan hak milik juga adalah untuk semua dalam satu suku.² Kesan daripada hidup berkelompok dalam satu suku ini. Pada satu tempat masih dapat di lihat pada nama-nama suku yang ada sekarang, misalnya, suku Semelenggang, Naning, Tiga Batu Lubuk Kepong dan Anak Melaka Sungai Buluh. Nama-nama tempat di hujung nama suku ini adalah tempat yang masih ada dan berhampiran dengan tempat bermulanya Adat Perpatih iaitu di Taboh Naning.

Setelah berlaku perpindahan anggota dari satu tempat kepada satu tempat yang lain, mungkin melalui perkahwinan antara suku, suatu teradat ataupun melalui sebab-sebab lain maka sampai sekarang tiap-tiap satu kampung mempunyai penduduk yang terdiri dari pelbagai suku. Perkahwinan antara suku atau luar suku adalah penting dari segi kesatuan dan keutuhan semua suku dalam satu masyarakat.³

Undang-undang adat yang telah berjalan bukan sahaja memberi ketentuan kepada soal-soal seperti perkahwinan, turunan harta pusaka, cara perhubungan antara anggota masyarakat bahkan tentang hal-hal jenayah, awam (civil) dan susunan kuasa pimpinan. Terutama dalam hal kuasa pimpinan adalah jelas "hierarchy" kuasa itu. Maka dari kejelasan hak kuasa inilah dapat dilihat betapa padunya organisasi Adat Perpatih.⁴ semasa pemerintahan Portugis tidak diketahui perihal Naning. Namun begitu, dari catatan Baretto de Resendo yang dikutip oleh Winstedt dan de Eredia menegaskan bahawa Naning adalah dikuasai oleh Portugis dengan pengawasan seorang Temenggung bangsa Portugis dan orang-orang Naning membayar cukai kepada Portugis. Memang ada hubungan pentadbiran dan perniagaan antara Naning dan Portugis di Melaka. Namun demikian, tidak pula jelas di mana duduknya Penghulu Naning sebagai ketua satu Luak berdasarkan

¹ Hubungan ini masih terdapat dalam terombo adat " Bertuan ke Johor, beraja ke Siak, berpengkalan ke Melaka, beranak ke Naning, beralur jumbai ke Tanah Jelebu".

² Dari keterangan yang diberikan oleh Datuk Mohd Shah.

³ J. Beattie. *Other Cultures* mengatakan " thus a most important function of exogamy is to bond together, through affinalther make up the social aggregate without these links these separate groups would be quite isolated from one another and there would be no clear sense in which they could be said to make up the 'society' halaman 122.

⁴ Kata perbilangan:

"Alam beraja, Luak Berpenghulu,
Suku bertua, anak buah beribu bapa,
Raja bernobat dalam alamnya,
Lembaga bernobat dalam sukunya,
Berbuapak bernobat dalam anak buahnya,
Orang banyak bernobat dalam terataknya".

peraturan adat. Memandangkan kehidupan mereka mengikut cara adat masih wujud, maka dapatlah diagakkan bahawa Penghulu Naning masih berkuasa sebagai ketua satu Luak dan beliau adalah diawasi oleh Portugis melalui Temenggung. Mengikut pendapat Humpreys pula, luak Naning adalah “.....an autonomous and semi-democratic state, with a constitution of chief (Penghulu Naning) Head of Tribe and Elders of Clans”.¹ Dengan kenyataan ini, bolehlah disimpulkan bahawa ketua yang sebenarnya berkuasa ialah Penghulu Naning.

Keadaan ini telah diteruskan oleh Belanda apabila mereka dapat menakluk Melaka tahun 1641. dari awal pemerintahan lagi. Belanda telah mendesak Naning mengakui kuasa mereka dengan menandatangani perjanjian-perjanjian yang menguntungkan mereka. Bukan sahaja Naning harus membayar cukai bahkan mesti berniaga dengan mereka, memulangkan tawanan dan juga Penghulu terpaksa pula turun ke Melaka mengadap Belanda.

Jawatan Temenggung yang telah dimulakan oleh Portugis kemudian telah diganti oleh Belanda dengan jawatan ‘procurator’ dengan tugas menentukan supaya fasal-fasal perjanjian dituruti oleh Naning. Di samping dia seorang captain diakui di Naning. Captain ini adalah seorang besar Naning juga. ‘.....without whose advise and approval nothing touching the government and administration of Naning shall be discussed or decided upon....’²

Seri Maharaja Merah menjadi Penghulu Naning.³ Jadi di zaman Belanda kedudukan Penghulu Naning adalah kuat dan teguh terutama dari segi perpaduan orang Naning sendiri. Keadaan ini jelas dari kesanggupan orang Naning menentang Belanda beberapa kali selama Belanda berkuasa di Melaka. Sungguhpun Naning adalah dikuasai oleh Belanda tetapi Belanda harus menggunakan orang-orang besar Naning bagi memerintah Naning. Barangkali kerana inilah jawatan Penghulu Naning digunakan dan tidak lagi jawatan ‘Captain’.

Lebih dari sekurum setengah, Naning telah menjadi daerah yang menerima pengaruh dari Belanda di Melaka dalam lapangan politik dan ekonomi. Namun begitu, Naning dengan Sistem Adat Perpatihnya telah sanggup untuk wujud terus dan mengekalkan lembaga-lembaga yang ada di dalamnya. Maka di sini jelaslah apa yang dikatakan sebagai kelemahan Adat Perpatih menghadapi desakan dari sistem lain, tidak dapat diterima sebagai faktor yang membawa keruntuhan Naning. Pada zaman Belanda ini terdapat sembilan orang Penghulu Naning yang saling berganti.⁴ Semasa penghulu yang kesembilan iaitu Penghulu Do Said sekali lagi Naning menerima kuasa baru dan pengaruh dari luar. Kali ini Inggeris telah datang menggantikan Belanda. Sikap Inggeris terhadap Luak Naning adalah berlainan dari sikap Portugis dan Belanda. Dari awal lagi, Inggeris telah menganggap Naning

¹ J.L. Humpreys, op. Cit.

² Balthasar Bort, Report of JMBRAS sama.

³ Konsep Penghulu dalam Adat lihat perbilangan footnote 11.

⁴ Abdullah Munsyi (Djambatan 1953) memberi nama-nama:

- | | |
|----------------|------------------|
| - Seraja | - Gegah |
| - Janggut | - Abdul Said |
| - Jauara Megat | - Maulana garang |
| - Anjak | |

Penghulu-penghulu pertama dan ketiga adalah dari suku Biduanda dan yang lain-lain adalah dari suku Semelenggang. Tarikh mereka menjadi Penghulu kebanyakannya tidak jelas.

sebagai sebahagian tanah jajahan yang mesti dikuasai sepenuhnya. Ini adalah bertentangan dengan sikap rasmi yang selalu ditekankan terhadap negeri-negeri Melayu iaitu sikap 'non-intervention'. Malah lebih jauh lagi, Inggeris telah menegaskan bahawa orang-orang Naning mesti membayar cukai, memulangkan monopoli timah, lada hitam dan rempah kepada Inggeris sahaja.

Jadi jelas bahawa kedatangan Inggeris adalah pengaruh dari luar yang paling keras kewibawaan terhadap Naning. Hal ini jelas apabila Penghulu Naning bukan sahaja perlu diakui oleh Inggeris di Melaka bahkan pula dilantik oleh Inggeris.

Ini telah ditentang oleh Penghulu Dol Said yang mempercayai bahawa Inggeris tidak mempunyai apa-apa hak di atas luaknya. Ini menyebabkan beliau terus bertindak sebagai Penghulu yang mutlak di dalam luaknya. Beliau telah menjadi hakim kepada peristiwa pembunuhan, walaupun tindakan seperti ini telah dilarang oleh Inggeris.

Tindakan-tindakan yang dilakukan oleh Dol Said ini dianggap sebagai melampau oleh Inggeris. Perbalahan antara Dol Said dengan Inggeris menjadi sengit, akibatnya berakulah peperangan pada tahun 1832-1833. penghulu Dol Said telah menentang Inggeris dengan hebat bersama-sama orang Naning yang mendapat bantuan Rembau. Pada bulan Jun, 1833, pertahanan Naning telah pecah apabila orang Rembau telah berpaling tadah dan ke Pasir Besar, tetapi kemudiannya kembali menyerah diri.

Penyerahan diri oleh Datuk Dol Said adalah satu simbol keruntuhan Naning dan patahnya pertahanan terakhir yang pernah dibuat oleh Naning terhadap desakan dan serangan Inggeris kepada sistem masyarakatnya. Selepas itu didapati Naning adalah terbuka dan lemah menghadapi pengaruh dari luar dan itulah permulaan kuasa yang langsung Inggeris ke atas Naning. Malah dengan penyerahan itu Inggeris telah bertindak menghapuskan untuk sementara waktu terhadap jawatan Penghulu Naning dan melarang penggunaan kata-kata laluan dan suku di Naning. Luak Naning telah dipecahkan kepada beberapa Mukim dan Naning menjadi salah satu daerah di Melaka.¹

Permulaan kuasa Inggeris terhadap Naning perlu dilihat dengan lebih halus sebab kuasa inilah yang banyak membawa perubahan kepada sistem yang ada.

Pertama, Inggeris telah menjadikan Naning sebagai satu dari daerah Melaka apabila Rembau tidak mahu menerima Naning ketika Inggeris menawarkannya sebagai membalas jasa Rembau membantu Inggeris. Maka putuslah hubungan antara Naning dengan daerah-daerah lain Adat Perpatih.

Kedua, penyerahan diri oleh Penghulu Dol Said telah memberi peluang kepada Inggeris untuk merubah sistem pentadbiran dan pimpinan di Naning. Secara radikal Inggeris telah menggugurkan kedudukan Penghulu Naning menjadi satu lembaga sosial yang tidak berfungsi lagi. Pada kedudukannya digantikan dengan seorang 'Superintendent' yang kemudian menjadi Pegawai Daerah dan dalam

¹ J.L. Humpreys, "A Naning Recital" JSBRAS. Op. cit.

konsep Penghulu pula telah diertikan dengan pengertian yang lain sekali. Penghulu di Naning tidak lagi bererti satu jawatan pimpinan yang menguasai satu luak atau daerah tetapi telah gugur menjadi ketua satu mukim atau satu bahagian kecil daerah. Di samping itu konsep penghulu tidak lagi merupakan konsep pimpinan yang berdasarkan unit sosial luak tetapi telah menjadi konsep pimpinan yang berdasarkan unit pentadbiran secara Inggeris iaitu territory. Hakikat bahawa penghulu yang dilantik oleh Inggeris ini adalah penghulu yang menguasai satu mukim adalah perlu sangat disedari sebab ia adalah berlainan sekali dari hakikat Penghulu Naning yang menjadi ketua mutlak dalam satu luak.

Bagi mentadbir luak Naning, 15 orang penghulu telah dilantik mengetuai 15 buah kampung.¹ Daerah Naning sendiri telah dinamakan Alor Gajah mengikut nama pekan yang berkedudukan pusat dalam daerah itu. Di pekan inilah pusat pentadbiran daerah dijalankan. Dengan itu daerah Alor Gajah telah disatukan dengan daerah-daerah lain menjadikan negeri Melaka. Mahkamah perundangan yang berdasarkan undang-undang Inggeris telah dimulakan dan pentadbiran pun berjalan berdasarkan pentadbiran kolonial Inggeris.

Selepas Penghulu Dol Said untuk beberapa lama tidak ada yang menggantikannya sebagai Penghulu Naning. Kemudian pada tahun 1850 telah dilantik pula Penghulu Idas. Selepasnya empat orang lagi menggantikan berturut-turut hingga tahun 1923 apabila Penghulu Naning diterima semula secara rasmi sebagai Penghulu atau Orang Besar Luak Naning. Pada tahun inilah sahaja Penghulu Naning ditabalkan dengan cara yang betul dan besar-besaran. Sebelum itu Penghulu Naning adalah hanya pada nama sahaja tanpa apa-apa kuasa dan fungsi.² Jadi sekarang penghulu telah dikembalikan kuasa adatnya sahaja di perbuatkan sebuah balai tetap dan dibayar sara hidup yang tetap juga.

Namun begitu, proses perubahan yang telah bermula telah melemahkan perjalanan sistem adat di Naning. Dan kelemahan ini dipercepatkan lagi oleh pergeseran antara ahli-ahli waris pusaka Naning. Kerap kali peraturan untuk menjadi Penghulu telah dilanggar.

¹ Sila lihat, hikayat Abdullah Djambatan, 1933 menyebutkan:

1. Bilal Manja (batu belang) Kelemak.
2. Mamat (batu belang) Pegoh.
3. Maulana Sultan (batu belang) Melekek.
4. Safar (Semelenggang) Taboh.
5. Kiman (tiga batu) Lendu.
6. Dol (anak Melaka) Berisu.
7. Alaudin (anak Melaka) Sungai Siput.
8. Lawi (Semelenggang) Tebong.
9. Kurah (tiga nenek) Padang Sebang.
10. Lingkar (tiga batu) Tanjung Rimau.
11. Talih (mungkal) Pulau Sebang.
12. Udin (semelenggang) Kemuning.
13. Dol Kunchi (biduanda) Tebong.
14. Kujuk (mungkal) Batang Melaka.

² Shaba telah memberikan nama-nama Penghulu yang berikut:

1. Idus (1850-1870) – Biduanda.
2. Mohd saleh (1870-1895) – Biduanda.
3. Ranting (beberapa bulan, 1900) – biduanda.
4. Hassan (1900-1916) – biduanda.
5. Yunus (1917-1922) –biduanda.

Dalam peraturan mengganti Penghulu Naning telah diadakan mengikut giliran perut. Jika penghulu yang ada ialah dari perut pertama maka yang akan menggantikan nanti ialah perut kedua, tetapi jika perlu dipangku, maka itu adalah tugas perut ketiga. Jika perut kedua menyandang penghulu maka yang akan menggantikan ialah giliran perut ketiga dan pemangku ialah perut pertama. Dan jika yang menjadi penghulu ialah perut pertama dan dipangku oleh perut kedua.¹

Cubaan Inggeris melemahkan sistem ini terlihat bukan sahaja di dalam campur tangan terhadap penentuan bakal Penghulu Naning bahkan ada cubaan Inggeris untuk mengambil barang-barang yang menjadi pusaka Naning seperti keris biasa. Cap Mohor hadiah Sultan Abdul Jalil pada tahun 1705 dan Cap Mohor hadiah Belanda dengan alasan untuk menyimpan di tempat yang selamat. Tetapi Inggeris telah kecewa untuk mendapatkan barang-barang pusaka itu.

Walau bagaimanapun anasir keruntuhan yang telah tertanam di dalam sistem adat ini sejak dari dulu lagi semakin berkuasa sekarang sehingga terasa dan kelihatan bahawa sistem adat ini sedang menghadapi desakan dan tentangan dari sistem pentadbiran moden sekarang. Kelemahan ini nyata sejak dari masa Inggeris lagi ketika sistem adat yang telah kehilangan daya untuk bertahan telah didesak oleh sistem pentadbiran kolonial Inggeris yang mempunyai kuasa politik. Sekarang ini faktor-faktor seperti ekonomi moden, sikap dan kepercayaan anggota masyarakatnya yang telah menerima dan meresapkan sistem politik Demokrasi ke dalam hidup mereka. Hasil dari didikan dan pelajaran moden telah banyak menyebabkan keruntuhan sistem tradisional ini dan memberi tempat kepada perkembangan sistem pentadbiran yang baru.²

¹ Sila lihat Shaba, Pusaka Naning, op, cit.

Antara tahun 1925 hingga 1932 penghulu Naning hanya dipangku. Urutan Penghulu-Penghulu Naning semenjak 1922 adalah:

1. Antara tahun 1922-1925 – kosong.
2. 1925-1932 - dipangku oleh Datuk Arshad untuk Datuk Osman yang masih kecil.
3. 1932-1942 – Datuk Osman Kering.
4. 1942-1947 – kosong.
5. 1947-1949 – Che Lah (hilang di zaman darurat).
6. 1951 – Mohd Shah Said.

² M.G. Swift, dalam bukunya Malay Peasant Society in Jelebu, University of London, 1965 telah membuat satu kajian tentang keruntuhan Adat Perpatih di Jelebu. Antara lain-lain dia telah menyebutkan bahawa "Organization on the basis of territory, with trained officials, is more efficient than the use of kin groups. In the village today there is no clear legitimate authority. The Japanese in their search for personnel in administration showed tenderness for the adat chiefly authority (as a result of) economic change (is) reinforced in its results (by) the consequences of Government policy because of the decline in adat there is a loss of interest in the minor positions (of adat), and because these positions have no occupants yet a further decline results" Ini adalah kenyataan yang dibuat oleh Swift dalam menerangkan keruntuhan Adat Perpatih dan banyak dari kenyataannya mendapat diterima (lihat Bab VII Swift).